

## B) Sebagai Celupan Pada Kelambu

Serangga	Jenis Kelambu	Kadar Bancuhan Racun	Catatan
Nyamuk	1. Sintetik a. Bujang (10 m <sup>2</sup> ) b. Kembar (13.5 m <sup>2</sup> )	20 ml + 300 ml air (1 : 15) 27 ml + 405 ml air (1 : 15)	Kekerapan rawatan adalah 6-9 bulan atau 2 kali membasuh
	1. Kapas a. Bujang (10 m <sup>2</sup> ) b. Kembar (13.5 m <sup>2</sup> )	20 ml + 1400 ml air (1 : 70) 27 ml + 1890 ml air (1 : 70)	Kekerapan rawatan adalah 6-9 bulan atau 2 kali membasuh

**Deltrinnet SC** sesuai dicairkan dengan air dan digunakan sebagai rawatan celupan bagi semua jenis kelambu nyamuk.

Cara penggunaan **Deltrinnet SC** sama seperti penggunaan kelambu biasa. Gantung **Deltrinnet SC** sama ada di siling alam di dinding. Selitkan bahagian bawah kelambu ke bawah sekeliling alam untuk mengawal kemasukan nyamuk. Berhati-hati dari terkoyak oleh paku atau benda yang tajam. Bahagian yang koyak, perlu jahit dengan menggunakan benang biasa.

Abuk dan kotoran yang melekat akan mengurangkan keberkesanan kemujarapannya. Memasuh **Deltrinnet SC** hendaklah dilakukan pada masa yang sesuai iaitu sebelum musim hujan di mana populasi nyamuk adalah kurang. Basuh dengan lembut menggunakan sedikit sabun. **Jangan memberus**. Selepas dibasuh, masukkan kelambu ke dalam beg polyethylene yang lutsinar dan jemur untuk beberapa jam. Jika tiada beg polyethylene, gunakan beg plastik biasa (lutsinar) dan letakkannya di atas suatu benda yang gelap atau hitam dan jemur beberapa jam. Jangan dedahkan terus kelambu pada cahaya terik matahari. Simpan kelambu ini dalam beg plastik atau kotak sekiranya tidak digunakan.

Kelambu ini mempunyai kesan sisa baki selama 6-9 bulan atau selepas 2 kali membasuh kelambu.

## AWAS

a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak. **Pakaian dan Alat Perlindungan:** Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawai termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian.  
b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik, ikan dan lebah. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air dan **JANGAN** sembur semasa lebah aktif mencari makanan.

## TANDA KERACUNAN

Gatal-gatal pada mata, hidung, kerongkong dan kulit.

## RAWATAN KECEMASAN

Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika terkena pada kulit dan sakit melebihi 24 jam, sapu dengan minyak sayuran atau krim Vitamin E. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarikan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

## RAWATAN PERUBATAN

Rawatan hendaklah mengikut tanda sakit.

## MEDICAL TREATMENT

Treatment is symptomatic.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

**EMPTY PESTICIDE CONTAINER SHOULD BE TRIPLE RINSED BEFORE DISPOSAL. DO NOT USE EMPTY PESTICIDE CONTAINER TO STORE FOODSTUFF.**

# DELTRINET SC

RACUN SERANGGA / INSECTICIDE	TRAC 3A	PEK ALAM AMPAIAN (SC)
------------------------------	---------	-----------------------

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERTALIH SAHAJA (TO BE HANDLED BY TRAINED PERSONEL ONLY)**

Perawis Aktif: deltamethrin .....	1.0% w/w
Perawis Lengai: .....	99.0% w/w

**No. Pendaftaran : LRMP. RI / 6505**

Kandungan Bersih : 1 liter

(arikh Mengilang :

Tarikh Luput :

Didaftarkan oleh:

 **Dynamic Agribusiness Sdn. Bhd.** (544719-D)  
No. 11-2, Jalan Meranti SD 13/4,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel.: 03-6272 9308 Faks: 03-6272 9528

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi

**TALIAN KECEMASAN :**



**BACA LABEL SEBELUM GUNA**



**DELTRINET SC** ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada 'pyrethroid' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

**ATURAN PENGGUNAAN-** Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

## A) Kesihatan Awam

Kawasan Tempat	Serangga Perosak	Kadar Racun 5 Liter Air
- Rumah - Pejabat - Kilang - Ladang - Ternakan	Lipas ( <i>Blattella germanica</i> , <i>Periplaneta americana</i> )  Lalat ( <i>Musca domestica</i> )  Nyamuk ( <i>Culex quinquefasciatus</i> )	50 ml

**Catatan:** \*Bergantung kepada jenis permukaan dan keadaan sekeliling. Ulangi (jika perlu) selepas 45 hari. Disyor menggunakan alat penyembur tekanan pada kadar 1 liter isipadu semburan bagi setiap 10 m<sup>2</sup>. Jangan guna penyembur kabus.

## Panduan Membancuh

Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan **DELTRINET SC** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **DELTRINET SC** di dalam tangki alat penyembur.

## Panduan Menyembur

Jangan sembur pada/berhampiran dengan makanan/tempat penyediaan makanan termasuk makanan ternakan. Jangan masuk kawasan semburan sekurang-kurangnya 4 jam selepas penyemburan terakhir.

**有害品**  
勿貯藏在靠近食品或  
兒童所接觸的地方

**HARMEFUL**  
KEEP AWAY FROM  
FOODSTUFF AND CHILDREN

**BERBAHAYA**  
JAUHKAN DARIPADA  
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

**KELAS III**

**தீங்கிழைப்பது**  
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு  
அருகில் வைக்காதீர்